

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN  
BANDY [ KALABAカン ]**

**TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah persediaan dan inisiatif yang akan dilaksanakan berikutnya kenaikan harga tiket penerbangan pulang ke Sabah dan Sarawak sewaktu perayaan Hari Raya Aidilfitri khususnya kepada golongan mahasiswa yang ingin pulang beraya di kampung halaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan prihatin terhadap isu harga tiket penerbangan semasa musim perayaan termasuk golongan mahasiswa yang ingin pulang beraya di kampung halaman.
2. Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pengangkutan untuk melaksanakan harga maksimum RM599 bagi tiket penerbangan sehala ekonomi dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tempoh pelaksanaan inisiatif ini adalah pada 3 hari perjalanan sebelum tarikh sambutan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Hari Krismas bagi tahun 2024.
3. Melalui inisiatif ini, harga maksimum tiket penerbangan kelas ekonomi sehala ditetapkan pada harga RM599 tidak termasuk cukai dan fi. Bagi tiket penerbangan kelas ekonomi yang melebihi RM599, Kerajaan akan membayar perbezaan harga antara harga asal tiket penerbangan dan harga maksimum tersebut.
4. Manakala tiket penerbangan yang berharga kurang daripada RM599 bagi laluan-laluan berkenaan akan dijual pada harga asal yang telah ditetapkan oleh syarikat-syarikat penerbangan.
5. Khusus untuk golongan mahasiswa yang ingin pulang beraya di kampung halaman, Kerajaan Perpaduan pada tahun 2023 telah memperkenalkan inisiatif FLYasiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman. Pelaksanaan inisiatif ini akan diteruskan pada tahun 2024 untuk manfaat hampir 60,000 mahasiswa.

6. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian, terima kasih.